

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN PEMBUKAAN SEMULA BANGUNAN ASRAMA WISMA
PANDU PUTERI MALAYSIA
Lokasi : JALAN PANTAI BAHARU, KUALA LUMPUR
Tarikh : 11-06-1993

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah memberi peluang kepada kita semua untuk berkumpul sekali lagi dalam satu upacara yang sungguh bermakna bagi Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

2. Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah menunggu masa yang gemilang ini semenjak tahun 1987 apabila diputuskan asrama Wisma Pandu Puteri Malaysia akan dibangunkan semula dan siap selewat-lewatnya menjelang sambutan Ulangtahun ke-75 iaitu pada 22 November 1992. Bagaimanapun bangunan asrama ini telah dapat disiapkan pada akhir Oktober lalu dan kunci bangunan telah diserahkan kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia pada pertengahan November 1992 iaitu seminggu sebelum 'target date'.

3. Langkah untuk membangunkan semula asrama ini diambil setelah mendapati bangunan Wisma ini sudah terlalu uzur. Di kawasan Wisma ini terdapat tiga bangunan iaitu asrama, pejabat dan dewan. Asrama ini adalah untuk Pandu Puteri menginap semasa menjalani latihan dan wisma ini menjadi sumber kewangan kepada Persatuan bagi kegiatannya.

Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah dinasihatkan oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya bertindak dengan cepat supaya menyelamatkan bangunan itu kerana terdapat banyak kerosakan yang perlu diperbaiki dan diubahsuai.

4. Pembangunan semula ini dibiayai melalui kutipan derma oleh ahli-ahli Pandu Puteri di seluruh Malaysia. Persatuan Pandu Puteri Malaysia telah mengadakan berbagai-bagai usaha untuk mencari wang pembiayaan itu seperti menjual lencana, kad hari raya, mengadakan jamuan High Tea dan kutipan daripada acara Larian 75 Tahun Kepanduan. Persatuan Pandu Puteri Malaysia juga telah menganjurkan satu Ekspedisi Muhibah iaitu satu rally kereta yang dipandu oleh wanita-wanita mengelilingi Semenanjung Malaysia dan satu Jamuan Makan Malam sempena sambutan 75 tahun Kepanduan di Malaysia.

5. Sumbangan wang yang terbanyak datangnya daripada dermawan-dermawan dan syarikat-syarikat yang menyokong usaha Pandu Puteri. Mereka yang telah memberi sumbangan terdapat dalam senarai penderma.

6. Renong Berhad telah mengejutkan Persatuan Pandu Puteri Malaysia dengan menderma sebanyak RM100,000. Syarikat United Engineers (M) Berhad telah bermurah hati menawarkan pakar-pakar mereka untuk merancang, mengurus dan menyiapkan pembinaan asrama itu dalam masa enam bulan. Terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Annuar Othman dan semua kakitangan United Engineers (M) Berhad yang dengan ikhlas telah membantu kami dalam membaiki dan mengubahsuai bangunan asrama. Terima kasih juga kepada semua penderma yang telah bermurah hati mengeluarkan wang sebanyak RM.....

untuk Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

7. Asrama Pandu Puteri kini didiami oleh penuntut-penuntut Universiti dan Maktab Perguruan. Mereka akan menginap selama 10 bulan dalam setahun, manakala selama 2 bulan lagi oleh ahli-ahli Pandu Puteri dari seluruh negara yang datang untuk mengikuti latihan, bengkel atau seminar, (Dewan ini digunakan untuk mesyuarat, latihan luar, senamrobik dan kadangkala jika ahli-ahli Pandu Puteri yang datang terlalu ramai mereka bentang tikar dan tidur di sini).

8. Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah menderma kepada kami, saya bagi pihak Persatuan Pandu Puteri Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Semoga Allah S.W.T. menambahkan lagi rezeki para dermawan supaya hidup bahagia untuk kami menumpang sama.

9. Saya bersyukur dengan selesainya pembinaan membaiki dan mengubahsuai Bangunan Asrama Persatuan Pandu Puteri Malaysia ini dan berharap ia akan diguna dan dijagai dengan baik.

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Semula Bangunan Asrama Wisma Pandu Puteri Malaysia.